

SUARA SABAH KETINDAKAN

SABAH VOICES TO ACTION

WWW.SABAR.ORG.MY/ACTION

Aspirasi dan Tuntutan Rakyat Sabah
dalam Bidang Pendidikan, Penjagaan Kesihatan,
Infrastruktur Awam dan Tadbir Urus yang Baik

Rakan Media Rasmi:

Daily
Express

Dianjurkan oleh:



Rakan Podcast:



Rakan Kolaborasi:





Senarai Kandungan

TENTANG "SUARA SABAH KE TENDAKAN"

SELAMAT DATANG

BERSAMA KITA BOLEH

PASUKAN

PENDIDIKAN

PENJAGAAN KESIHATAN

INFRASTRUKTUR AWAM

TADBIR URUS YANG BAIK

TERIMA KASIH

TENTANG "SUARA SABAH KE TINDAKAN"

"Suara Sabah Ke Tindakan - Bersma Mencorak Masa Depan Sabah" merupakan satu inisiatif yang **tidak berpaksikan parti politik** dan **dipacu oleh rakyat**, dianjurkan oleh **Sabah Action Body Advocating Rights (SABAR)** bersama rakan-rakan kerjasama. Ia memberi kuasa kepada rakyat Sabah untuk menyuarakan kebimbangan, mencadangkan penyelesaian, dan membantu membentuk dasar dalam empat bidang utama: pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur awam, dan tadbir urus yang baik.

Bermula dari Mac hingga Jun 2025, inisiatif selama tiga bulan ini menggunakan strategi berbilang platform — termasuk podcast, penerbitan akhbar, pertemuan awam (town hall), dan persidangan penutup — untuk mengumpul input dari orang ramai dan merumuskan cadangan untuk diserahkan kepada parti-parti politik menjelang Pilihan Raya Negeri Sabah 2025.

Objektif:

- **Menggerakkan suara rakyat Sabah untuk menentukan keutamaan:** Menghimpunkan pakar dalam pelbagai bidang, pihak berkepentingan utama, dan rakyat Sabah melalui siri aktiviti seperti podcast, penerbitan akhbar, pertemuan awam dan persidangan. Tujuannya adalah untuk merangka satu dokumen komprehensif "**Aspirasi dan Tuntutan Rakyat Sabah**" yang mencerminkan hasrat dan keperluan kritikal rakyat Sabah dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur awam, dan tadbir urus yang baik.
- **Mengadvokasikan penerimaan dasar menjelang PRN Sabah 2025:** Membentangkan "**Aspirasi dan Tuntutan Rakyat Sabah**" kepada semua parti politik, dengan tujuan agar kandungannya dimasukkan ke dalam manifesto mereka untuk Pilihan Raya Negeri Sabah 2025. Usaha ini bertujuan untuk memastikan komitmen politik terhadap pelaksanaan keutamaan-keutamaan ini dengan cepat dan berkesan setelah memegang tampuk pemerintahan.
- **Menggalakkan pembangunan dasar yang inklusif dan partisipatif:** Memupuk pendekatan pembangunan negara di Sabah yang proaktif, profesional, telus dan inklusif melalui model dasar awam dari peringkat bawah ke atas. Inisiatif ini melibatkan pakar, pihak berkepentingan, dan masyarakat awam dalam usaha bersama mencari penyelesaian kepada cabaran Sabah, serta menggalakkan budaya tadbir urus yang berasaskan ketelusan, penyertaan dan wacana dasar yang rasional.

Sejak pelancarannya, inisiatif ini telah mencapai ribuan rakyat Sabah. Ia telah menerbitkan lapan episod podcast — dengan jumlah tontonan menghampiri **100,000** — menampilkan pakar dan pemimpin pemikiran terkenal dari Sabah. Akhbar Daily Express juga telah menerbitkan lebih daripada **30 artikel** berkaitan inisiatif ini, yang menerima sambutan serta penglibatan awam yang meluas. Selain itu, **dua belas sesi pertemuan awam** telah diadakan di pelbagai daerah, melibatkan lebih **500 pihak berkepentingan** daripada latar belakang berbeza termasuk pendidikan, kesihatan, masyarakat sivil, belia, dan sektor profesional.

Laporan "**Aspirasi dan Tuntutan Rakyat Sabah**" ini menyampaikan ringkasan pandangan secara kualitatif, harapan dan ekspektasi rakyat Sabah dalam empat bidang utama: pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur awam dan tadbir urus baik. Ia menghimpunkan pandangan individu dan komuniti berdasarkan **21 topik tematik**, disokong oleh **117 cadangan yang boleh dilaksanakan**, semuanya hasil daripada proses penglibatan rakyat.

Laporan ini bukanlah pelan dasar yang muktamad, tetapi titik permulaan — satu jemputan terbuka untuk meneruskan penyelidikan, dialog dan tindakan kolektif. Kami menyeru semua pihak — termasuk NGO, pemimpin belia, parti politik, badan profesional, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), jabatan dan agensi kerajaan serta orang awam — untuk menghayati hasil penemuan ini dan bekerjasama ke arah perubahan yang bermakna dan positif.

Mari kita berganding bahu — demi masa depan Sabah, dan demi generasi akan datang.

www.sabar.org.my/action

Yang Berhormat, tetamu-tetamu yang dihormati, warga Sabah yang dikasihi, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Selamat tengah hari dan selamat datang ke Town Hall Akhir bagi inisiatif “Suara Sabah Ke Tindakan - Bersma Mencorak Masa Depan Sabah”.

Saya berdiri di sini hari ini dengan penuh rasa hormat dan tanggungjawab.

Inisiatif “Suara Sabah Ke Tindakan” ini lahir daripada satu kepercayaan yang ringkas tetapi mendesak: bahawa rakyat Sabah berhak untuk didengari. Bahawa politik dan dasar awam tidak seharusnya hanya tinggal sebagai slogan atau angan-angan. Ia mesti berpaksikan realiti, kepakaran, dan pengalaman hidup rakyat. Perubahan sebenar bermula apabila rakyat diberi kuasa untuk bersuara, apabila para profesional dan masyarakat sivil bekerjasama mencipta idea, dan apabila idea-idea itu diambil serius oleh mereka yang berkuasa.

Sejak bulan Mac, inisiatif bukan partisan yang dipacu rakyat ini telah melibatkan ribuan rakyat Sabah dalam perbincangan bermakna mengenai isu-isu teras yang memberi kesan kepada kehidupan harian kita—pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur awam, dan tadbir urus yang baik—melalui siri podcast, artikel akhbar, dan sesi town hall di Kota Kinabalu, Sandakan, Keningau, Kota Marudu, dan Tawau. Kita telah mendengar degupan nadi negeri ini melalui setiap suara, setiap kisah yang dikongsi, setiap kebimbangan yang disuarakan, dan setiap penyelesaian yang dicadangkan. Dan hari ini, kita mempersembahkan “Aspirasi dan Tuntutan Rakyat Sabah”—satu set keutamaan dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur awam, dan tadbir urus yang baik, yang dibentuk dari bawah melalui bulan-bulan rundingan, penyelidikan dan kolaborasi.


Sebelum kita meneliti aspirasi dan tuntutan ini, izinkan saya jelaskan tiga perkara penting:

Pertama, aspirasi dan tuntutan ini mencerminkan suara dan harapan yang dikumpul daripada individu dan komuniti melalui proses libat urus rakyat. Walaupun ia mungkin tidak mewakili keseluruhan spektrum pandangan di Sabah, ia menjadi satu titik permulaan yang kukuh—dan satu inspirasi—untuk siasatan lanjut, dialog dan tindakan bersama.

Kedua, kita mesti faham bahawa cabaran yang kita hadapi hari ini bukan terjadi sekelip mata. Ia adalah hasil daripada pengabaian yang berlarutan, dasar yang pincang, dan peluang yang terlepas—oleh pelbagai pihak sepanjang beberapa pentadbiran. Kini bukan masanya untuk menuding jari. Kini masanya untuk mengetepikan politik dan memikul tanggungjawab bersama. Kita bukan di sini untuk mengadu; kita di sini untuk membina dan menjadi sebahagian daripada penyelesaian.

Ketiga, kita mesti jujur dengan diri sendiri dan cukup berani untuk mengakui masalah kita. Tetapi mengakui masalah sahaja tidak memadai. Yang paling penting ialah kesediaan kolektif kita untuk bertindak—dengan tegas dan bertanggungjawab—demi masa depan anak-anak dan generasi akan datang.

SELAMAT DATANG



Setelah anda mendengar aspirasi dan tuntutan ini, ingatlah bahawa ini bukan pengakhiran—tetapi satu permulaan.

Kepada semua warga Sabah, saya merayu: teruskan mengikuti perkembangan inisiatif ini dengan rapat menjelang pilihan raya negeri akan datang. Kita mesti bersuara, terus terlibat, dan memegang pemimpin kita bertanggungjawab—bukan hanya di media sosial, tetapi di peti undi.

Kepada semua pemimpin parti politik, saya ucapkan dengan penuh ikhlas dan harapan: dengarlah dengan hati yang terbuka. Suara yang anda dengar hari ini bukan suara partisan—ia mencerminkan aspirasi bersama rakyat yang cintakan negeri ini dan benar-benar ingin melihatnya maju. Ini adalah peluang yang amat berharga untuk menunjukkan komitmen anda yang tulen terhadap tadbir urus yang inklusif dan kepimpinan yang berteraskan rakyat. Saya merayu agar anda mempertimbangkan aspirasi dan kebimbangan ini dengan saksama, dan mencerminkannya dengan jelas dan bermakna dalam manifesto pilihan raya anda yang akan datang.

Kepada anak-anak muda di dalam dewan ini: suara anda penting. Tetapi lebih dari itu, fikiran anda penting. Kita bukan hanya perlukan suara yang lantang—kita perlukan suara yang berani, bijak dan membina. Suarakan pandangan anda—tetapi dengan tujuan. Berimpianlah besar—tetapi juga ajukan soalan-soalan yang sukar. Sabah perlukan anda—bukan sekadar sebagai pengundi masa depan, tetapi sebagai agen perubahan hari ini.

Marilah kita berganding bahu—bukan secara terpisah, bukan dalam pertelagahan, tetapi dalam perpaduan—untuk membina Sabah yang lebih baik untuk semua.

Sebelum saya akhiri, izinkan saya merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua yang telah menayakan perjalanan ini:

Kepada Daily Express, Kopitiam Council, Supermassive Creative Agency, dan Gabungan Profesional Penjagaan Kesihatan Sabah—yang merangkumi Sabah Medical Association, Sabah Nurses Association, Association of Private Practitioners Sabah, Sabah Pharmaceutical Society, Kesatuan Inspektor Kesihatan Sabah, dan Sabah Dental Practitioners Society—terima kasih atas komitmen yang tidak berbelah bagi, sumbangan bernilai, dan kepakaran profesional anda.

Kepada semua tetamu podcast dan pakar bidang dalam pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur awam, dan tadbir urus yang baik—pandangan anda yang bernas telah memberi asas yang kukuh dan arah tuju yang bermakna kepada inisiatif ini.

Dan kepada seluruh warga Sabah serta rakyat Malaysia yang budiman—terima kasih. Sama ada anda menonton podcast, berkongsi artikel, memberi pandangan atau hadir ke sesi town hall—penglibatan anda telah memberi tenaga dan makna kepada inisiatif ini. Suara, soalan, dan idea anda mengingatkan kita mengapa usaha ini sangat penting.

Terima kasih kerana percaya pada misi bersama ini.

Mari kita teruskan semangat hari ini.

Biarlah ini menjadi permulaan kepada sesuatu yang benar-benar transformatif buat Sabah.

Terima kasih.

Datuk Zainie Abdul Aucasa
Pengerusi Lembaga Pengarah
Sabah Action Body Advocating Rights (SABAR)
22 Jun 2025

BERSAMA KITA BERMULA

Yang Berhormat, para tetamu kehormat, warga Sabah yang saya hormati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada 19 Januari 2025, kami bermula dengan satu idea yang ringkas tetapi penuh makna: bahawa rakyat Sabah biasa, apabila diberikan ruang, akan bersuara. Kami percaya bahawa suara kita penting, dan rakyat Sabah mesti mengambil tempat di kerusi pemandu — bersuara dengan jelas dan yakin mengenai dasar-dasar yang membentuk kehidupan kita.

Daripada permulaan yang sederhana itu, dengan hanya enam orang dalam mesyuarat pertama kami, lahirlah inisiatif “Sabah Voices to Action – Shaping Sabah’s Future Together”.

Hari ini, pada 22 Jun 2025, hanya selepas 155 hari, kami berbesar hati kerana lebih 300 orang telah berkumpul di dewan ini.

Sebagai anda melangkah masuk ke ruang ini hari ini, saya mengajak anda semua untuk mengetepikan jawatan, keanggotaan, status, dan peranan masing-masing. Di sini, kita tidak ditentukan oleh kedudukan, tetapi oleh tujuan. Kita berkumpul dengan satu identiti bersama: Kita adalah rakyat Sabah.

“Suara Sabah Ke Tindakan” ialah inisiatif bukan partisan yang digerakkan oleh rakyat, diterajui oleh Sabah Action Body Advocating Rights (SABAR) bersama rakan-rakan strategik. Inisiatif ini diwujudkan untuk memperkasakan rakyat Sabah menyuarakan kebimbangan, mencadangkan penyelesaian, dan membentuk dasar dalam empat bidang utama: Pendidikan, Penjagaan Kesihatan, Infrastruktur Awam, dan Tadbir Urus yang Baik.

Bermula dari bulan Mac hingga Jun 2025, inisiatif selama tiga bulan ini menggunakan pendekatan pelbagai platform — termasuk podcast, penerbitan akhbar, siri town hall di pelbagai daerah, dan akhirnya sidang kemuncak hari ini — untuk mengumpulkan pandangan rakyat serta merumuskan cadangan dasar menjelang Pilihan Raya Negeri Sabah 2025. Sejak dilancarkan, inisiatif ini telah menjangkau ribuan rakyat Sabah:

- Kami menghasilkan lapan episod podcast yang menampilkan tokoh dan pemikir terkemuka Sabah, yang telah menghampiri 100,000 tontonan secara keseluruhan.
- Akhbar Daily Express telah menerbitkan lebih 30 artikel tentang inisiatif ini, yang mencetuskan perbincangan awam yang meluas.
- Kami mengadakan 12 sesi town hall di seluruh negeri, melibatkan lebih 500 peserta daripada pelbagai latar belakang — termasuk pendidik, petugas kesihatan, belia, pemimpin masyarakat sivil, dan golongan profesional.

Semua suara dan pandangan ini telah dihipunkan dalam sebuah dokumen penting: Laporan “Aspirasi dan Tuntutan Rakyat Sabah”. Anda akan mendengar kandungannya melalui empat orang pembicara utama kami hari ini, dan versi Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris serta Bahasa Cina akan diedarkan dalam bentuk digital selepas program ini.

Setelah diterbitkan, dokumen ini akan memulakan kehidupannya sendiri—sebagai harta intelek kolektif milik rakyat Sabah, dan sebagai sumber terbuka untuk semua.





Kami percaya laporan ini mengungkapkan harapan yang tulus, kebimbangan yang mendesak, dan cita-cita bersama rakyat Sabah dalam empat bidang teras: Pendidikan, Penjagaan Kesihatan, Infrastruktur Awam, dan Tadbir Urus yang Baik. Disusun dalam 21 tema utama, ia mengandungi 117 cadangan yang boleh dilaksanakan, semuanya terhasil daripada proses libat urus yang dipacu oleh rakyat.

Apa yang paling penting, dalam 60 halaman laporan ini, tidak terdapat satu pun perkataan mengenai parti politik. Kerana ini bukan soal politik kepartian. Ini soal rakyat. Ini soal kebajikan rakyat Sabah dan masa depan yang ingin kita bina bersama.

Laporan “Aspirasi dan Tuntutan Rakyat Sabah” ini bukanlah pelan induk yang muktamad, tetapi sebuah dokumen yang hidup. Ia merupakan jemputan terbuka kepada penyelidikan yang lebih mendalam, dialog yang berterusan, dan tindakan kolektif. Kami berharap rakyat Sabah akan menjadikan dokumen ini sebagai titik permulaan bersama—asas yang boleh kita bina bersama demi membentuk masa depan yang lebih cerah untuk setiap komuniti di seluruh negeri kita.

Izinkan saya berkongsi satu kisah.

Selepas sesi Town Hall di Sandakan sekitar jam 6 petang, saya bertanya kepada seorang peserta dari mana dia datang. Dia menjawab, "Klinik Kesihatan Penangah." Saya tidak pernah dengar tempat ini. Kemudian saya dimaklumkan bahawa klinik ini terletak di kawasan pedalaman Sabah, kira-kira 200 kilometer dari Sandakan. Perjalanan ke sana mengambil masa kira-kira empat jam melalui jalan yang tidak rata, pada waktu malam. Namun, dia tetap datang. Dia datang kerana dia percaya bahawa suaranya penting.

Marilah kita hormati keyakinan itu.

Marilah kita pikul tanggungjawab yang telah diletakkan di atas bahu kita.

Dan janganlah kita sia-siakan kepercayaan yang telah diberikan kepada kita.

Marilah kita bawa semangat perhimpunan ini ke luar dinding dewan ini—ke dalam komuniti kita, tempat kerja kita, dan kehidupan seharian kita.

Bersatulah — bukan dalam silo, bukan dalam konflik — tetapi dalam perpaduan, untuk membina Sabah yang lebih baik untuk semua.

Terima kasih.

Lim Hock Song
Pengerusi Penganjur
Suara Sabah Ke Tindakan
22 Jun 2025





Pasukan “Suara Sabah Ke Tindakan”

Penasihat & Mentor: Datuk Zainie Abdul Aucasa

Pengerusi: Lim Hock Song

Timbalan Pengerusi: Majella Tan Marquez

Bendahari: Cecelia Matuya

Komunikasi Awam: Adelina Adna, Hanna Ghani-Loh

Undang-undang: Mohd Zulfadhli Darman Shah

Sokongan: Datuk Joanna Kitingan, Ben Magallanes, Esther Lee

Penyusun Laporan: Lim Hock Song

Penjenamaan & Media Sosial: Supermassive Creative Agency

Rakan Media Rasmi: Daily Express

Rakan Podcast: Kopitiam Council

Infrastruktur Awam:

Ar Rizal Ahmad Banjar

Ar Arnold Kwan

Ir Amirul Hisham bin Datuk Hj. Ismail

Ir Lo Chong Chiun

Datuk Ir.Ts.Gs.Br.PMr.Dr Amarjit Singh

Sr Raja Sundra Lingam @ Sunny Kelvin

Tpr Patrick Thie

Datuk Tpr Alijus Sipil

Sr Ho Kin Wong

Sr Samuel Chong

LAr Eric Ye

Ir Lee Tet Fon

Ir Paul Yap Kok Wai

Pasukan Pakar Subjek

Pendidikan:

William Pan

Prof. Dr. Vincent Pang

Dora Loi

Norah Marcus

Penjagaan Kesihatan:

Datuk Dr. Christina Rundi

Dr. Felice Huang

Dr. Lawrence Mah Hon Kheong

Tadbir Urus Yang Baik:

Datuk Roger Chin






Datuk John Lo

Michael Tong

Datuk Hanafiah bin Mohd. Kassim

LAPAN PODCAST

100,000 TONTONAN



“Suara Sabah Ke Tindakan” Podcast

Hos: Haffiszul dan Adi dari Kopitiam Council

Tetamu Podcast:

Pendidikan: Sonia Chin, Frederick Leyong Soh Andu, Datuk Hanafiah bin Mohd. Kassim, Profesor Dr. Vincent Pang

Kesihatan: Datuk Dr. Christina Rundi, Dr. Felice Huang, Dr. Lawrence Mah Hon Kheong

Infrastruktur Awam: Sr Raja Sundra Lingam @ Sunny Kelvin, Ir C C Lo, Datuk Ir. Ts. Dr. Amarjit Singh, Ar. Rizal Ahmad Banjar

Tadbir Urus Yang Baik: Datuk Roger Chin, Datuk John Lo, Michael Tong, Datuk Hanafiah bin Mohd. Kassim

Maintenance culture lack

The podcast series will feature in-depth discussions on challenges in education, healthcare, public infrastructure, good governance with local experts from diverse fields—in education, healthcare, architecture, engineering, urban planning, estate valuation, law, finance, banking, government—offering valuable insights to inform future policy.

[illegible][illegible]

CMs from pre-school level

Ministers should be from pre-school level and should be given a special training programme. This will help them to understand the needs of the people and to be able to communicate with them. The programme will be for a period of 10 years. The first 5 years will be for the pre-school level and the next 5 years will be for the school level. The programme will be for a period of 10 years. The first 5 years will be for the pre-school level and the next 5 years will be for the school level.

Upgrade of 132kV transmission line

The upgrade of the 132kV transmission line is a major project. It will involve the replacement of the existing lines with new lines. The new lines will be of a higher capacity and will be able to carry more power. This will help to meet the growing demand for electricity in the region. The project is expected to be completed by 2015.

from 10 employees to 10,000 in the past 10 years. The company has a strong focus on research and development, and has a long history of innovation. It has a strong focus on research and development, and has a long history of innovation. It has a strong focus on research and development, and has a long history of innovation.


www.dailymail.co.uk

Expert: Relocation of airport example of on-off planning

There are three main reasons why the U.S. has been unable to develop a viable alternative to the fossil-fuel-based energy system. First, the U.S. has been unable to develop a viable alternative to the fossil-fuel-based energy system. Second, the U.S. has been unable to develop a viable alternative to the fossil-fuel-based energy system. Third, the U.S. has been unable to develop a viable alternative to the fossil-fuel-based energy system.

[illegible]

SABAH ACTION BODY ADVOCATING RIGHTS



David Thien
KOTA KINABALU: Healthcare workers newly posted to Sabah often face a steep learning curve as serving in remote areas means adjusting to local customs, health-

While most patients are comfortable with Babasaheb Munde, a 55-year-old resident or member of indigenous communities are more fearful in their native areas, such as Dahanu and the islands of Sengal.

Reaching remote and trust takes time. It's not unusual for health workers to learn a few local phrases or even basic sign language to communicate with patients and gain the community's confidence, according to former Sengal health worker and epidemiologist Dr. Ramesh Chandra.

He shared this at the recent Sakshigyan Council "Voice to Action" podcast on the state of healthcare in India's remote areas, moderated by epidemiologist and Obstetrician Dr. Felice Huang.

She also pointed-out that in many rural areas, electricity is not available as a major issue. Electricity may come from aging diesel generators which are prone to breakdown.

Clean water is often sourced from rain-water harvesting systems or nearby rivers, but this may not be a viable option at all—making even basic reporting or referrals a challenge. Even phone signals

can be non-existent in some locations, leaving staff disconnected during emergencies.

In certain parts of Saurashtra, road access isn't even an option. In Uda, near Sukau and Kharot in Kutchanaghat, the only way to reach some villages is by boat or crocodile indentured waters.

Health workers use their lives and strength to take even the most travel risky. Delivering vaccines, essential medicines, and other supplies may require a lot of planning and a fair bit of improvisation.

If a patient needs to be referred to the nearest hospital, it can take many hours to reach help, hence if the weather doesn't cooperate.

Healthcare workers often take on far more than their job description suggests. A medical officer in a remote area may also have to manage the entire clinic, oversee logistics, handle emergencies, and coordinate public health outreach.

Nurses and midwives are equally stretched. They are handling or coordinating campaigns or outbreaks, responding to emergencies, following up on mothers, and making referrals.

When transport is not available, it's not easy for patients to reach the village to see even the most basic health services, sometimes by foot.

It's not always easy to find a local managing staff solution. In some areas, the local population may not be in their role as vital in their home it spends years away from home.

It's not of necessity these local staff are not trained.

The effects of healthcare are felt by the people. In some areas, the health system is delayed. Chronic illness like cancer or diabetes may

MONDAY, JUNE 9, 2003 da

He believes that building being an issue is hampering the current infrastructure developments, saying that having level in India (compare there are students flying up as close to these levels but have the safety is only at one level.

"So, all the measures need to be brought in."

Registration
for P
by M

[illegible]

Telex data request crosses the line: we

Is Government-
Should be possi-
in single for
multiples they
increase jobs to
they embark on
it.
did be listed on

[illegible]

SUNDAY, APRIL 27, 2025



Medical professionals and Sabharwal
photo session after the Town

repair dilapidated schools and clinics before claiming back the expenses from the federal Government, and decided to construct rest facilities for doctors and nurses where there are no such facilities.

Many just managed to rest for 10 hours and continue working. There have been cases of doctors who fell asleep while driving and were killed in accidents.

Many many suffer from lack of sleep and exhaustion. When workload kept increasing, there is no increase in manpower. The time taken to get the staff have to keep up with the stressful chores. This demotivated and affected family ties as less quality time could be spent with loved ones.

There is also need to provide health insurance for medical staff and assistance for their families.

There was a call for a Starlink satellite solution for Sabah, and to increase the

number of ATMs in rural areas. But if there are outages, the ATMs would also not dispense needed cash to buy things.

There were calls for better retirement benefits and decent staff housing.

Doctors who sacrificed much to serve in rural or remote posts should be offered permanent posts and promotion prospects. There should be extra points given for rural service as it is hard to serve in rural areas compared to urban areas.

D7FA3DAD8B9C0F7BC0E131A716CCCA89D

David Thien
SABA RINABARU: Sabar's public image remains one in comparison as it is the more so many things have gone wrong in the town, according to former Sabar Lee leader David Thien. "We must make the people as angry, as angry about corruption that they will not

[illegible]

Over 10,000 high-profile jobs on offer

at carnival

EUROZIMPER Over 10,000 high profile job opportunities will be offered at the International Young Professional Carnival, organised by the Dutch Institute Organisation (Dinro), which will be held this weekend at the Euro-Lampyri Convention Centre.

Photo: J. van der Vliet

Councilmembers urged to uphold integrity

Innocent taxpayers

According to the affidavit, the charges are to punish students who do not follow the school's dress code. The charges are to punish students who do not follow the school's dress code. The charges are to punish students who do not follow the school's dress code.

[illegible]

Xi stressed high quality development, efficient

LEADER: China's President Xi Jinping stressed the need for high quality development and efficient use of resources during his visit to the United States last week.

Xi stressed the importance of high quality development and efficient use of resources during his visit to the United States last week. He emphasized the need for innovation and reform to drive economic growth and improve the living standards of the Chinese people.

Xi stressed the importance of high quality development and efficient use of resources during his visit to the United States last week. He emphasized the need for innovation and reform to drive economic growth and improve the living standards of the Chinese people.

governance

U.S. FIGHTS China's *Shen Bao* is the largest Chinese newspaper. It has been accused of spreading rumors about the U.S. military and of promoting anti-American propaganda. The U.S. State Dept. has urged the Chinese government to stop such activities.

U.S. FIGHTS China's *Shen Bao* is the largest Chinese newspaper. It has been accused of spreading rumors about the U.S. military and of promoting anti-American propaganda. The U.S. State Dept. has urged the Chinese government to stop such activities.

U.S. FIGHTS China's *Shen Bao* is the largest Chinese newspaper. It has been accused of spreading rumors about the U.S. military and of promoting anti-American propaganda. The U.S. State Dept. has urged the Chinese government to stop such activities.

U.S. FIGHTS China's *Shen Bao* is the largest Chinese newspaper. It has been accused of spreading rumors about the U.S. military and of promoting anti-American propaganda. The U.S. State Dept. has urged the Chinese government to stop such activities.

U.S. FIGHTS China's *Shen Bao* is the largest Chinese newspaper. It has been accused of spreading rumors about the U.S. military and of promoting anti-American propaganda. The U.S. State Dept. has urged the Chinese government to stop such activities.

U.S. FIGHTS China's *Shen Bao* is the largest Chinese newspaper. It has been accused of spreading rumors about the U.S. military and of promoting anti-American propaganda. The U.S. State Dept. has urged the Chinese government to stop such activities.

U.S. FIGHTS China's *Shen Bao* is the largest Chinese newspaper. It has been accused of spreading rumors about the U.S. military and of promoting anti-American propaganda. The U.S. State Dept. has urged the Chinese government to stop such activities.

It has long been the case that the UK's ageing population is a social and economic burden. But the ageing of the population is not inevitable. The UK's ageing population is a result of a combination of factors, including a high birth rate, a high life expectancy, and a high level of immigration. The UK's ageing population is a result of a combination of factors, including a high birth rate, a high life expectancy, and a high level of immigration. The UK's ageing population is a result of a combination of factors, including a high birth rate, a high life expectancy, and a high level of immigration.

MONDAY, JUNE 2, 2025

Javid Thien
IGCA KENALAM: The Water Department scandal which involves officials entrusted with ensuring supply, pocketing millions through a scheme in a good case study on corruption in Sabah.

"The federal Water Department con- sidered RMMA's bid as the lowest," says Hinkle. "It was \$60 million less than the next highest bidder."

China (GAC), past President of the World Health Organization, said he would spend extra KBoz to taxpayer's money for this enlarged project. Which should not be the case.

"What that means is KBoz that is meant for other things for the people has now disappeared."

Chin said the second reason why it is tricky had is because those contracts were

should have gone into infrastructure development whether it is water or electricity.

"\$214 million was taken out of the system and this is just the Water Department. How about the other corruption issues. There are easily several more. Perhaps about half a billion dollars or more."

Why was how normalized corruption has become. It is all around us, he says.

"In the case of the Subah Winter Department, the Kibria 4 plus luxury cars, jewelry and properties, were kickbacks for awarding contracts and projects."

Why was what happened here?

It goes to people who are aligned to the people who put the kickbacks.

So whether it is the most qualified people doing the contracts is highly debatable and probably not. Hence, if the people who got the contracts were not the best for the job means there would be more taken out of the system.

"If we had just kept that money in the system and didn't take it out, then what we needed, we would have for better infrastructure today," he said, adding this is why corruption is a huge problem.

Because money has been taken out of

because it is embezzlement of public funds. How did that happen? Very simply a lot of contracts that were substandard or not carried out properly. The system you and I suffer from insufficient water and electricity."

12 SESI TOWN HALL

SOUTH CHINA SEA

SULU SEA



- Sesi Town Hall ke-1: Sabtu, 12 April 2025, Kota Kinabalu – Pendidikan
- Sesi Town Hall ke-2: Sabtu, 12 April 2025, Kota Kinabalu – Penjagaan Kesihatan
- Sesi Town Hall ke-3: Sabtu, 26 April 2025, Sandakan – Pendidikan
- Sesi Town Hall ke-4: Sabtu, 26 April 2025, Sandakan – Penjagaan Kesihatan
- Sesi Town Hall ke-5: Sabtu, 3 Mei 2025, Keningau – Pendidikan
- Sesi Town Hall ke-6: Sabtu, 3 Mei 2025, Keningau – Penjagaan Kesihatan
- Sesi Town Hall ke-7: Ahad, 11 Mei 2025, Kota Marudu – Pendidikan
- Sesi Town Hall ke-8: Ahad, 11 Mei 2025, Kota Marudu – Penjagaan Kesihatan
- Sesi Town Hall ke-9: Sabtu, 17 Mei 2025, Kota Kinabalu – Infrastruktur Awam
- Sesi Town Hall ke-10: Sabtu, 17 Mei 2025, Kota Kinabalu – Tadbir Urus Yang Baik
- Sesi Town Hall ke-11: Sabtu, 24 Mei 2025, Tawau – Infrastruktur Awam
- Sesi Town Hall ke-12: Sabtu, 24 Mei 2025, Tawau – Tadbir Urus Yang Baik

Sipadan Island

MODERATOR BAGI SESI TOWN HALL “SUARA SABAH KETINDAKAN” MENGENAI PENJAGAAN KESIHATAN

KOTA KINABALU

1. DATUK DR SUZAIN BT SUHAIMI
2. DR DAS RAMANKUTTY
3. EN ARSHAD ABDUL MAJID
4. PN TOMBLOW NGADIRAN
5. PN SCHOLASTICA LEE
6. DR FELICE HUANG
7. PN ESTER BARNAD
8. DR PRINS BONAVENTURE
9. DR ARTHUR TENDAHAL

Ketua: Datuk Dr Christina Rundi



SANDAKAN

1. EN SUNDUSIN HJ NGANRO
2. DR NAFAH BT DULAJIS
3. DR MAINI SABAIT
4. PN ANNA LEE
5. DR GOH SHU MENG
6. DR NELSON LEAN

Ketua: Datuk Dr Christina Rundi



KENINGAU

1. EN JULIUS RAYMOND
2. DR FELICE HUANG
3. PN DAISY STANISLAS
4. PN HEILIE LILY FRANCIS ABEL
5. DR LOLY MEALONNY GEOFFREY
6. PN ESTER BARNAD

Ketua: Datuk Dr Christina Rundi



KOTA MARUDU

1. DR ARTHUR TENDAHAL
2. DR FELICE HUANG
3. DR JENIFER JOHN
4. PN MARIANA CHIN
5. DATUK DR SUZAIN BT SUHAIMI
6. PN ESTER BARNAD

Ketua: Datuk Dr Christina Rundi






*Aspirasi dan Tuntutan
Rakyat Sabah
terhadap*

PENDIDIKAN

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Seruan Bertindak



Aspirasi untuk Transformasi Pendidikan di Sabah

Dari segi daya saing global, Malaysia tidak mencapai prestasi yang baik dalam keputusan PISA (Program for International Student Assessment) 2022. Malaysia berada di kedudukan ke-60 bagi Bacaan, ke-54 bagi Matematik dan ke-52 bagi Sains daripada 81 negara. Skor Malaysia dalam TIMSS (Trends in International Mathematics & Science Study) juga telah merosot dari tahun 1999 hingga 2019. Untuk Matematik, dari 519 mata kepada 461 mata. Untuk Sains, dari 492 mata kepada 469 mata.

Adakah mungkin terdapat kegagalan sistemik dalam struktur, proses atau dasar teras sistem pendidikan Malaysia yang telah menyebabkan kemerosotan berterusan dalam standard pendidikan kita sepanjang tahun-tahun ini? Laporan Bank Dunia mengenai pendidikan di Malaysia bertajuk "Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills" yang dikeluarkan pada April 2024 adalah amat membimbangkan dan mencadangkan keperluan untuk reformasi sistemik yang segera.

Pelbagai maklum balas yang dikumpulkan daripada orang awam, NGO, dan warga pendidik sejak 2019 dan baru-baru ini daripada Sesi Townhall SABAR 2025 telah menyuarakan kebimbangan dan cadangan untuk menetapkan semula hala tuju dan keutamaan sistem pendidikan di Sabah.

Oleh itu, rakyat Sabah ingin mengemukakan cadangan dalam bidang-bidang berikut:

1. Autonomi dalam pendidikan;
2. Pendidikan prasekolah;
3. Akses kepada pendidikan dan infrastruktur;
4. Pendidikan STEM & TVET;
5. Profesion perguruan;
6. Penguasaan dwibahasa;
7. Kurikulum dan pentaksiran.



1. Autonomi dalam Pendidikan



1. Penubuhan Kementerian Pendidikan Sabah dengan penurunan kuasa secara progresif dari Kementerian Pendidikan Malaysia dalam tempoh 3–5 tahun. Perkara 76A dan 95C Perlembagaan Persekutuan membenarkan penyerahan kuasa perundangan manakala Perkara 80(4) membenarkan penyerahan kuasa eksekutif. Tambahan pula, Perkara 80(5) menyediakan peruntukan kewangan bagi fungsi yang diserahkan kepada negeri.
2. Autonomi untuk perolehan infrastruktur dan sumber pendidikan, dengan memberi keutamaan kepada keperluan dan keadaan setempat.
3. Autonomi dalam hal ehwal sumber manusia berkaitan pelantikan, penempatan dan kenaikan pangkat staf ke jawatan kanan yang boleh dilaksanakan secara lebih adil mengikut keperluan dan situasi setempat.
4. Autonomi bagi pendidikan guru di empat Institut Pendidikan Guru Sabah untuk memenuhi keperluan sumber manusia Sabah yang segera dan akan datang.
5. Autonomi dalam kurikulum, pentaksiran dan penilaian bagi memastikan elemen-elemen yang lebih mencerminkan sejarah, geografi, budaya dan konteks Sabah dimasukkan dalam proses membuat keputusan dan kandungan pendidikan. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Bahagian Buku Teks hendaklah membantu memperkasa Sabah ke arah autonomi dalam portfolio ini.

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



2. Pendidikan Prasekolah



6 Pada masa ini terdapat 5 penyedia pendidikan prasekolah: Prasekolah KPM, Tadika KEMAS, Tadika Swasta, Tadika Perpaduan dan TASKA KPWKM (Wanita, Keluarga & Masyarakat). Untuk menyatukan semua penyedia di bawah Satu Unit Prasekolah Sabah bagi memastikan penyelarasan dan penyampaian pendidikan prasekolah berkualiti kepada kanak-kanak.

7. Untuk meningkatkan kadar enrolmen pendidikan prasekolah di Sabah (kini sekitar 80%) dengan menangani tiga halangan utama: akses terhad kepada prasekolah, beban kewangan ke atas ibu bapa B40 dan kejahilan ibu bapa. Bina lebih banyak prasekolah di kawasan luar bandar terpencil, sediakan bantuan kewangan kepada ibu bapa B40, dan lakukan program jangkauan kepada masyarakat miskin bandar dan luar bandar.

8. Membantu NGO menubuhkan prasekolah di kawasan luar bandar kerana ia tidak menguntungkan secara komersial, dengan mempermudah proses pendaftaran prasekolah swasta serta menyediakan latihan dan pembangunan profesional untuk guru prasekolah swasta bagi memastikan standard pendidikan prasekolah yang tinggi.

9. Untuk memenuhi keperluan yang semakin meningkat terhadap kanak-kanak prasekolah berkeperluan khas dengan menubuhkan kelas pendidikan khas di prasekolah sedia ada (kerajaan dan swasta) dan menyediakan bantuan sumber dan latihan kemahiran kepada guru-guru kerajaan dan swasta untuk mengajar murid berkeperluan khas.

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



3. Akses kepada Pendidikan dan Infrastruktur



10. Merangka Pelan Pembangunan Infrastruktur Pendidikan & Sumber Pendidikan Sabah berdasarkan analisis keperluan setiap daerah untuk sekolah baharu, bangunan tambahan, makmal Sains, bengkel TVET, padang sekolah, asrama, bilik mandi, peralatan dan peranti pengajaran dan pembelajaran, infrastruktur digital, dan sebagainya.

11. Terdapat kira-kira 300,000 kanak-kanak tidak berdokumen dan tanpa warganegara di Sabah (Laporan Universiti Taylor's, 6 Dis 2024). Untuk menghormati hak asasi kanak-kanak untuk mendapat pendidikan formal dengan mengiktiraf Pusat Pembelajaran Alternatif dan membantu pusat-pusat ini dengan perancangan kurikulum, latihan guru dan sumber.

12. Bernama melaporkan terdapat 414 sekolah daif tahap 6 & 7 di Sabah pada 2020. 229 sekolah telah dinaik taraf menjelang akhir 2024 (Astro Awani, 12 Okt 2024). Untuk memastikan baki 185 sekolah daif dinaik taraf dalam tempoh 1–3 tahun akan datang.

13. Mengembangkan penggunaan teknologi dan pembelajaran digital di kawasan luar bandar dengan melabur dalam infrastruktur digital untuk mengatasi kekangan fizikal dan geografi. Menubuhkan Pusat Pembelajaran Luar Bandar di mana komuniti bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan NGO untuk menyelia pembelajaran selepas waktu sekolah dan pembelajaran sepanjang hayat untuk ibu bapa dan anak-anak.

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



4. Pendidikan STEM & TVET



Menurut anggaran, 75% pekerjaan masa depan akan melibatkan pengetahuan dan kemahiran STEM. Tetapi bagi pelajar yang tidak cenderung akademik, TVET sepatutnya menjadi pilihan utama bagi pelajar sekolah menengah dan pasca menengah.

14. Pengambilan pelajar bagi subjek STEM di Sabah pada 2024 hanyalah 12.37% (Borneo Post Online, 24 Mei 2024). Ini jauh daripada sasaran 40%. Untuk meningkatkan pengambilan subjek STEM dengan melaksanakan langkah-langkah berikut: Sediakan makmal dan peralatan Sains, latihan dan kesiapsiagaan guru, pembelajaran berasaskan pengalaman, kerjasama antara rumah-sekolah-industri bagi meningkatkan minat pelajar – bermula dari prasekolah, tambah masa pengajaran-pembelajaran subjek STEM di sekolah rendah dan tawarkan biasiswa untuk kerjaya STEM.

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



4. Pendidikan STEM & TVET



...sambungan

15. Kini terdapat 166,300 orang penganggur di Sabah, di mana 28,300 daripadanya adalah graduan (Daily Express, 24 Dis 2023). Satu faktor yang ketara ialah ketidakpadanan antara kursus yang diambil dengan keperluan industri. Merangka Pelan Induk Pembangunan Tenaga Kerja dan Model Pendidikan TVET-STEM berdasarkan keperluan industri Sabah dan memanfaatkan kelebihan kompetitif Sabah (contoh: pertanian, biodiversiti, minyak & gas, marin, pelancongan, MICE, kepelbagaian etnik, dll.). Libatkan Institusi Pendidikan (Pendidikan Tinggi & TVET) dan Pemain Industri untuk merancang, menyusun strategi dan mereka bentuk dengan menggunakan peluang dalam ekosistem industri sedia ada. Jurang antara TVET dan industri perlu dirapatkan dengan syarikat bersama-sama melaksanakan latihan bersama institusi latihan vokasional awam.

16. Menubuhkan Usahasama Pendidikan, seperti Institut Jerman-Malaysia bersama negara seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Australia kerana hubungan sejarah dan lain-lain dengan Sabah. Setiap negara maju ini mempunyai kekuatan teknologi khusus yang boleh kita pelajari.



5. Profesion Perguruan



17. Memastikan pengambilan pelatih guru mencerminkan kepelbagaian kaum negara kita dan mengoptimumkan kekuatan kaum yang berbeza. Proses iklan dan pemilihan mestilah terbuka, telus dan berdasarkan meritokrasi untuk mengenal pasti calon terbaik.

18. Melatih guru untuk kawasan luar bandar dan pengkhususan subjek. Menubuhkan program latihan mengenai: pedagogi adaptif, pengajaran dan pembelajaran pelbagai umur dan pelbagai bahasa, menangani jurang bahasa dalam kalangan pelajar dan kekurangan guru opsyen subjek tertentu.

19. Mengambil bakat tempatan dari kawasan luar bandar untuk latihan perguruan, bagi mengurangkan kadar pertukaran guru yang tinggi di sekolah luar bandar.

20. Menyediakan kemudahan asas di sekolah luar bandar seperti akses jalan raya, perumahan, bekalan elektrik, bekalan air bersih, sanitasi, perkhidmatan internet, klinik kesihatan sebagai insentif untuk mengekalkan guru di kawasan luar bandar.

21. Melatih guru untuk menggalakkan pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan pelajar menggunakan ICT dalam pembelajaran dan penghasilan kerja. Ini termasuk Sistem Pengurusan Pembelajaran (contoh: Schoology, Google Classroom) dan aplikasi percuma di internet untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran (contoh: platform Times Educational Supplement, Google Drive Apps, IHMC Mapping, Piktochart, Kahoot, Seesaw, Kaizena, EdPuzzle, dll).



5. Profesion Perguruan



sambungan...

22. Membolehkan guru menumpukan kepada tugas utama mereka iaitu pengajaran dan pembelajaran dan tidak dibebani dengan tugas pentadbiran dan kokurikulum. Ini boleh dicapai dengan mendigitalkan dan memusatkan Sistem Maklumat Pelajar & Kewangan di pejabat sekolah. Guru Pembantu juga boleh dilantik untuk menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan kokurikulum.

23. Menjemput sekolah swasta dan persendirian untuk menyertai latihan kurikulum kebangsaan yang ditaja kerajaan khususnya dalam STEM & TVET dan semasa pelancaran kurikulum baharu atau semakan kurikulum sedia ada.

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



6. Penguasaan Dwibahasa



24. Memastikan setiap murid menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan mengukuhkan dasar dan pelaksanaan yang konsisten melalui autonomi dalam dasar bahasa.

25. Melaksanakan Program Dwibahasa (DLP) di semua sekolah, rendah dan menengah, dengan bilangan kelas bagi setiap tahun persekolahan bergantung kepada keperluan dan situasi setempat. DLP bukan sahaja menggalakkan lebih ramai pelajar mengambil subjek STEM malah meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka.

26. Memperkenalkan pentaksiran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di Tahun 6 dan Tingkatan 3 untuk menentukan tahap penguasaan bahasa pelajar.

27. Menawarkan Program Sijil Dwibahasa seperti di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang membolehkan pelajar cemerlang menduduki kedua-dua peperiksaan SPM dan IGCSE. Ini adalah inisiatif untuk memperkenalkan program persekolahan antarabangsa ke sekolah perdana di setiap daerah Sabah.

28. Menubuhkan Sekolah Menengah Antarabangsa Yayasan Sabah yang menawarkan kedua-dua program IGCSE dan SPM. Matlamatnya adalah untuk membina kecemerlangan dan daya saing global dalam kalangan belia Sabah bagi pembangunan masa depan Sabah.



7. Kurikulum dan Pentaksiran



29. Memasukkan lebih banyak Kandungan Tempatan dalam subjek Sejarah, Geografi dan Sains. Contohnya, sejarah Sabah, pelbagai kumpulan etnik di Sabah, flora dan fauna Sabah, dan sebagainya.

30. Mempromosikan secara lebih sengaja Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21 (6C iaitu Pemikiran Kritis, Komunikasi, Kolaborasi dan Kreativiti, Pendidikan Watak & Kewarganegaraan) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Analisis, Penilaian dan Sintesis) untuk menghasilkan pelajar yang berdaya saing global.

31. Mempromosikan Pembelajaran Teradun (Blended learning) dan Pembelajaran Berasaskan Projek yang menggunakan pendekatan Flipped Classroom di mana pelajar digalakkan melakukan pembelajaran sendiri di rumah dan bimbingan di dalam kelas untuk menguasai kemahiran. Pengajaran berdiferensiasi mesti menjadi norma agar semua pelajar diajar mengikut kemampuan mereka.

32. Melibatkan sekolah dalam platform Pembelajaran Global atas talian yang percuma untuk membangunkan pengetahuan global mengenai amalan terbaik Abad ke-21, berkongsi pembelajaran mereka, membangunkan kemahiran mendengar, bertutur dan menulis yang berkesan, serta meluaskan bilik darjah ke peringkat antarabangsa untuk guru dan pelajar.



7. Kurikulum dan Pentaksiran



Sambungan...

33. Mengembalikan pentaksiran berstandard antarabangsa dan memperkenalkan semula peperiksaan semak tahap di Tahun 6 dan Tingkatan 3 bagi subjek teras. Markah lulus bagi peperiksaan perlu dinaikkan kerana markah lulus yang rendah cenderung menghasilkan pelajar yang lemah.

34. Mengiktiraf kelayakan UEC bagi pelajar yang menduduki SPM dan lulus Bahasa Melayu pada Senior Middle 2 (Tahun 11 persekolahan) dan kemudiannya melengkapkan UEC mereka pada Senior Middle 3 (Tahun 12 persekolahan). Ini akan mengelakkan penghijrahan bakat sekiranya mereka diserap ke dalam agenda pembangunan sumber manusia negara.



*Aspirasi dan Tuntutan
Rakyat Sabah
terhadap*

**PENJAGAAN
KESIHATAN**

PENJAGAAN KESIHATAN

**SUARA SABAH
KETINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Seruan Bertindak



Kami mendokumentasikan hasrat dan impian rakyat Sabah berkaitan perkhidmatan kesihatan, yang disusun daripada ulasan dalam talian pada podcast dan semasa sesi town hall yang melibatkan peserta dari semua daerah di Sabah.

Kami berpendapat kebajikan dan kesejahteraan petugas kesihatan di Sabah harus menjadi keutamaan pelbagai pihak yang bertanggungjawab. Ini boleh dicapai dengan mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong dan kondusif, insentif yang bersesuaian serta peluang yang adil untuk perkembangan kerjaya. Langkah ini akan turut memberi manfaat kepada pesakit melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, mesra pelanggan, menyeluruh, dan berasaskan profesionalisme.

Kerajaan Negeri Sabah perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam memastikan penyampaian penjagaan kesihatan yang berkualiti dan saksama kepada semua rakyat Sabah. Selain itu, Kerajaan Negeri Sabah juga perlu melaksanakan program bersesuaian bagi menangani pelbagai masalah kesihatan yang berlarutan di Sabah. Tanggungjawab ini selaras dengan amanah dalam Senarai Bersama, Jadual Sembilan, Perlembagaan Malaysia.

Rekomendasi Untuk Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Di Sabah

Penubuhan **Kementerian Kesihatan Sabah** dengan perjawatan yang khusus dan peruntukan mengurus yang mencukupi untuk penggajian dan pelaksanaan program khusus bagi menangani masalah kesihatan di Sabah. Usaha-usaha ini dilaksanakan melalui kerjasama yang rapat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengelakkan duplikasi perkhidmatan tetapi lebih berbentuk komplementari dan juga supplemtentari.

PENJAGAAN KESIHATAN

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



**Antara rekomendasi untuk diterajui
oleh Kementerian Kesihatan Sabah
adalah seperti berikut:**



A. Kesejahteraan dan Kebajikan Petugas Kesihatan

1. Bekerjasama dengan KKM bagi memastikan bilangan dan pengisian jawatan yang optima, sesuai dengan bidang tugas, lokasi tempat kerja dan keperluan perkhidmatan kesihatan setempat.
2. Mewujudkan perjawatan baru di bawah program dan inisiatif yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Sabah bagi menangani isu kesihatan khusus di Sabah.
3. Memastikan suasana kerja yang kondusif termasuk sistem kerja yang efektif dengan peralatan yang berfungsi dengan baik.
4. Memastikan perkembangan dan laluan kerjaya yang adil bagi petugas kesihatan di Sabah dengan mengambil kira pengalaman dan tanggungjawab yang telah digalas semasa bertugas di Sabah serta menyediakan skim perkhidmatan yang bersesuaian selepas tamat latihan atau selepas kenaikan pangkat.
5. Mengadakan program dan inisiatif yang menyokong kesihatan mental dan kesejahteraan petugas kesihatan bagi mengekalkan motivasi yang tinggi dan mengurangkan burnout dan stres.
6. Mewujudkan skim insentif khas yang sesuai, berpatutan dan menarik untuk petugas kesihatan berdasarkan kriteria yang tertentu sebagai satu bentuk penghargaan dan bagi mengelakkan brain drain.
7. Menyediakan kemudahan tempat tinggal yang mencukupi dengan prasarana dan fasiliti yang sesuai mengikut tempat bertugas.

PENJAGAAN KESIHATAN

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



**Antara rekomendasi untuk diterajui
oleh Kementerian Kesihatan Sabah
adalah seperti berikut:**



B. Perkhidmatan Kesihatan

8. Bekerjasama dengan KKM menangani isu-isu semasa seperti kekurangan petugas kesihatan, peralatan perubatan dan bukan perubatan serta bangunan untuk stor, makmal dan tempat parkir.
9. Mengenalpasti dan menggunakan teknologi baru yang bersesuaian termasuk perkhidmatan telehealth bagi memudahkan perundingan jarak jauh.
10. Mengenalpasti keperluan fasiliti kesihatan dalam aspek peluasan bangunan dan perkhidmatan kesihatan sesuai dengan keperluan masyarakat setempat termasuklah program outreach kepada komuniti yang mengalami kesukaran mengakses perkhidmatan sediaada.
11. Melaksanakan penilaian keperluan pembinaan fasiliti kesihatan tambahan bagi merapatkan jurang akses kepada perkhidmatan kesihatan berdasarkan demografi, geografi, statistik dan indikator kesihatan.
12. Memastikan fasiliti kesihatan yang baru dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, capaian internet dan sistem perhubungan seperti jalanraya yang diselenggara dengan baik.

PENJAGAAN KESIHATAN

**SUARA SABAH
KETINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



**Antara rekomendasi untuk diterajui
oleh Kementerian Kesihatan Sabah
adalah seperti berikut:**



B. Perkhidmatan Kesihatan (sambungan)

13. Melaksanakan program Kesihatan Awam seperti program saringan untuk penyakit Talasemia, Kesihatan Mental, Penyakit Tidak Berjangkit, program vaksinasi untuk semua kanak-kanak dan program kaunseling.
14. Mewujudkan program promosi kesihatan dan pencegahan penyakit melalui kolaborasi pelbagai agensi.
15. Merancang secara strategik pengujutan perkhidmatan kepakaran perubatan di seluruh Sabah sesuai dengan keperluan semasa.
16. Membina perkongsian pintar dengan pengamal swasta, institusi perubatan swasta, klinik estet dan healthcare provider yang lain bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, holistik dan mampu dinikmati oleh penduduk Sabah.
17. Mewujudkan skim bantuan khas seperti bantuan tambang pengangkutan bagi pesakit-pesakit yang perlu mendapat rawatan susulan di luar daerah dan pesakit yang perlu rawatan kerap di hospital seperti pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis.

PENJAGAAN KESIHATAN

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



**Antara rekomendasi untuk diterajui
oleh Kementerian Kesihatan Sabah
adalah seperti berikut:**



C. Latihan dan Profesion Perubatan dan Kesihatan

18. Bekerjasama dengan KKM, institusi pengajian serta badan profesional yang lain untuk mengadakan lebih banyak kursus, latihan dan professional attachment di Sabah bagi memberi peluang kepada lebih ramai petugas untuk hadir.
19. Bekerjasama dengan KKM untuk menyediakan lebih banyak kursus lanjutan (pos-basik) di Institut Latihan KKM (ILKKM) yang terdapat di Sabah, terutama bagi memenuhi keperluan petugas kesihatan dengan pos-basik di hospital pakar di Sabah.
20. Bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi untuk mewujudkan lebih banyak kursus Sains Kesihatan Bersekutu di Sabah dan menyediakan lebih banyak perjawatan bagi memastikan perkhidmatan yang menyeluruh di Sabah.
21. Bekerjasama dengan universiti tempatan dan luar negara untuk mengadakan program / kursus kepakaran yang diperlukan di Sabah.
22. Mengadakan roadshow berkaitan profesion perubatan, kesihatan awam dan sains kesihatan bersekutu bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Sabah mengikuti jurusan-jurusan ini.
23. Menjalin kerjasama dengan pusat pengajian akademik dan Clinical Research Centres (CRC) dalam penyelidikan perubatan dan kesihatan awam terutama yang berkaitan dengan masalah kesihatan tempatan.

Kementerian Kesihatan

Sabah

Kementerian Kesihatan Sabah akan dapat melaksanakan rekomendasi ini melalui perbincangan dan penglibatan pihak berkepentingan semasa fasa perancangan dan implementasi. Kementerian juga perlu membentuk satu sistem pemantauan dan penilaian keberkesanan program dan inisiatif serta melaksanakan pengubahsuaian berdasarkan maklumbalas dan perubahan keperluan.






*Aspirasi dan Tuntutan
Rakyat Sabah
terhadap*

**INFRASTRUKTUR
AWAM**

INFRASTRUKTUR AWAM

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Seruan Bertindak



Infrastruktur awam merujuk kepada struktur fizikal dan organisasi asas serta kemudahan yang dibina dan diselenggara oleh kerajaan (atau kadangkala oleh entiti swasta di bawah peraturan awam) untuk menyokong fungsi masyarakat dan ekonomi. Sistem ini digunakan oleh orang awam dan amat penting untuk kehidupan seharian.


Infrastruktur awam merupakan tulang belakang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Namun, di banyak kawasan seperti Sabah, Malaysia, infrastruktur masih menjadi cabaran yang berterusan. Meskipun Sabah mempunyai sumber semula jadi yang kaya dan kedudukan geografi yang strategik, negeri ini terus menghadapi kekurangan infrastruktur yang ketara, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Jalan raya sering kali tidak diselenggara dengan baik atau tidak berturap, akses kepada air bersih dan elektrik masih tidak konsisten di sesetengah komuniti, dan kemudahan kesihatan serta pendidikan sering kali tidak mencukupi. Kekurangan ini bukan sahaja menjejaskan kualiti hidup rakyat Sabah, malah turut menghalang potensi pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pembangunan yang saksama di negeri ini.

Penambahbaikan infrastruktur awam di Sabah memerlukan pendekatan pelbagai dimensi yang merangkumi peningkatan pelaburan persekutuan dan negeri, kerjasama yang lebih kukuh antara sektor awam dan swasta, penerapan reka bentuk yang mampan serta tahan iklim, dan penglibatan masyarakat yang lebih besar dalam perancangan dan pelaksanaan. Penggunaan teknologi digital serta peningkatan ketelusan dalam pelaksanaan projek juga boleh memastikan pembangunan infrastruktur yang lebih cekap, inklusif dan berdaya tahan untuk masa depan.

Menangani isu-isu ini secara menyeluruh adalah penting untuk merapatkan jurang pembangunan antara Sabah dan kawasan yang lebih maju di Malaysia, sekali gus menyokong integrasi nasional dan kemajuan negara secara keseluruhan.

INFRASTRUKTUR AWAM

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



KENAPA INI PENTING?



Jalan raya yang baik, air bersih, elektrik, akses internet, sekolah, dan klinik—semua ini bukanlah satu kemewahan, tetapi keperluan asas. Di Sabah, banyak komuniti, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman, masih kekurangan infrastruktur yang boleh dipercayai. Keadaan ini menimbulkan halangan sebenar kepada kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan keselamatan. Penambahbaikan infrastruktur awam bukan sekadar membina kemudahan fizikal—ia adalah usaha untuk membina kehidupan yang lebih baik.

Berdasarkan libat urus dengan pemain industri dan pihak berkepentingan, adalah penting untuk meneliti semua aspek dalam membangun dan menyediakan infrastruktur awam yang baik dan boleh dipercayai, yang merangkumi spektrum berikut:

1. Keperluan
2. Perancangan
3. Perolehan
4. Pelaksanaan
5. Penyelenggaraan
6. Pemulihan

Keenam-enam peringkat utama ini, tanpa mengira komponen infrastruktur awam yang dirujuk, akan terlibat secara asasnya. Dengan meneliti kesemua elemen ini, barulah isu-isu utama yang menjejaskan kualiti infrastruktur awam dapat dikenal pasti dan ditangani dengan sewajarnya.

INFRASTRUKTUR AWAM

SUARA SABAH
KE TINDAKAN
SABAH VOICES TO ACTION



Memahami KEPERLUAN



Apakah masalahnya?

- Kawasan luar bandar yang luas masih kekurangan jalan yang boleh dilalui sepanjang tahun, bekalan air paip, elektrik, dan sambungan internet.
- Ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar masih berterusan.
- Data yang tidak mencukupi mengenai kekurangan infrastruktur di peringkat tempatan.

Cadangan

1. Libatkan penduduk setempat untuk menyuarakan keperluan kawasan mereka kepada pihak berkuasa melalui penilaian keperluan secara berkala dan inklusif menggunakan tinjauan komuniti dan libat urus pihak berkepentingan.
2. Utamakan projek yang memberi manfaat kepada jumlah penduduk yang ramai—seperti menghubungkan petani ke pasaran atau pelajar ke sekolah.
3. Gunakan alat digital seperti peta dan soal selidik untuk mengumpul data yang tepat.
4. Wujudkan platform berpusat yang berasaskan data untuk membuat keputusan dan merekodkan keperluan infrastruktur di peringkat tempatan.

INFRASTRUKTUR AWAM

SUARA SABAH
KE TINDAKAN
SABAH VOICES TO ACTION



MERANCANG Bersama untuk Masa Hadapan



Apakah masalahnya?

- Perancangan jangka pendek dan secara ad hoc mendominasi strategi pembangunan.
- Tanpa perancangan yang jelas, projek boleh bertindih, ter bengkalai, atau gagal memenuhi keperluan komuniti.
- Penyelarasan yang terpisah antara agensi persekutuan dan negeri.
- Perancangan jangka panjang yang tidak mencukupi dan kebergantungan kepada kitaran politik jangka pendek.
- Ketahanan terhadap perubahan iklim sering diabaikan dalam reka bentuk.
- Peruntukan kewangan tidak mencukupi dan tidak memadai untuk menangani isu infrastruktur yang kritikal.

Cadangan

5. Wujudkan Pelan Induk Infrastruktur Sabah yang jelas dan boleh diikuti oleh semua pihak—kerajaan negeri, persekutuan dan komuniti. Laksanakan dengan tekun Pelan Induk Infrastruktur Bersepadu Sabah yang selaras dengan Rancangan Malaysia dan perancangan Negeri Sabah.
6. Pastikan sebarang perancangan pembangunan dilaksanakan secara konsisten dan elakkan dasar yang berubah-ubah.
7. Pastikan suara masyarakat tempatan didengari, termasuk komuniti luar bandar dan kumpulan pribumi.
8. Rancang dengan mengambil kira masa depan: pertimbangkan risiko banjir, tanah runtuh dan perubahan iklim. Integrasikan prinsip reka bentuk mampan dan peka iklim (contohnya, jalan bertingkat di kawasan mudah banjir).
9. Peruntukan dana adalah mencukupi dan harus meliputi keseluruhan perbelanjaan perancangan dan pelaksanaan infrastruktur.

INFRASTRUKTUR AWAM

SUARA SABAH
KETINDAKAN
SABAH VOICES TO ACTION



PEROLEHAN yang Adil dan Terbuka



Apakah masalahnya?

- Kadangkala kontrak diberikan kepada pihak yang tidak layak—bukan berdasarkan keupayaan tetapi atas dasar hubungan. Ini boleh menyebabkan kerja berkualiti rendah atau kelewatan.
- Proses perolehan yang tidak telus menghalang akauntabiliti.
- Proses tender dimanipulasi oleh kartel dan sindiket yang terancang.
- Persaingan dan keupayaan yang terhad dalam kalangan kontraktor tempatan.
- Kelewatan disebabkan kerenah birokrasi.

Cadangan

10. Gunakan platform perolehan digital untuk mengurangkan rasuah dan menjejaki status projek secara masa nyata.
11. Galakkan bidaan terbuka dan sediakan latihan serta sokongan kepada PKS tempatan untuk bersaing secara adil.
12. Laksanakan kontrak perolehan dengan garis masa, hasil kerja, dan penalti yang jelas.
13. Utamakan kontraktor tempatan apabila sesuai, bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan keupayaan tempatan.

INFRASTRUKTUR AWAM

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



PELAKSANAAN

Laksanakan Kerja dengan Betul



Apakah masalahnya?

- Projek sering mengambil masa terlalu lama, melebihi bajet, atau tidak menepati piawaian.
- Kelewatan dan isu kualiti berpunca daripada pengawasan yang lemah.
- Risiko rasuah dalam pelaksanaan projek.
- Pengurusan projek yang tidak selaras antara agensi.
- Terlalu banyak lapisan subkontraktor.
- Keupayaan pengurusan projek yang tidak konsisten dalam kalangan kontraktor.
- Isu seperti pengambilan tanah dan kelulusan Pembangunan tidak diperolehi dengan itu menyebabkan kelewatan kepada projek.

Cadangan

14. Pantau projek secara teliti menggunakan teknologi dan pemeriksaan bebas.
15. Tetapkan garis masa dan piawaian kualiti yang jelas untuk kontraktor.
16. Pastikan jabatan kerajaan yang terlibat bekerjasama dengan baik, bukan bertindak secara bersendirian.
17. Tubuhkan Pejabat Pengurusan Projek (PMO) berpusat di bawah Kerajaan Negeri Sabah untuk menyelia projek-projek penting dan utama.

INFRASTRUKTUR AWAM

SUARA SABAH
KE TINDAKAN
SABAH VOICES TO ACTION



PELAKSANAAN

Laksanakan Kerja dengan Betul



Cadangan (sambungan..)

18. Gunakan audit bebas dan perunding kejuruteraan untuk memantau pematuhan dan kualiti kerja.
19. Gunakan alat pengurusan projek digital untuk penjejakan dan pelaporan secara masa nyata.
20. Pastikan kontraktor bertanggungjawab melalui kontrak berasaskan prestasi.
21. Memastikan hal-hal seperti pengambilan tanah dan kelulusan Pembangunan dari pihak berkuasa tempatan diperolehi sebelum kerja-kerja pembinaan dilaksanakan dan sistem tersebut hendaklah efisien dan mesra pengguna.

INFRASTRUKTUR AWAM

SUARA SABAH
KE TINDAKAN
SABAH VOICES TO ACTION



PENYELENGGARAAN MENJAGA APA YANG TELAH DIBINA



Apakah masalahnya?

- Banyak jalan raya, sistem bekalan air dan bangunan awam rosak terlalu awal kerana tiada perancangan—atau bajet—yang mencukupi untuk penyelenggaraan.
- Pengabaian penyelenggaraan rutin menyebabkan kemerosotan infrastruktur yang cepat.
- Peruntukan bajet penyelenggaraan yang terhad. Keutamaan belanjawan sering diberi kepada projek baharu berbanding penyelenggaraan.
- Kekurangan kapasiti tempatan untuk menjalankan penyelenggaraan berterusan.
- Kualiti kerja pembinaan yang rendah sebelum ini mengurangkan jangka hayat infrastruktur.

Cadangan

22. Peruntukkan dana tahunan khusus untuk penyelenggaraan rutin, yang berasingan daripada bajet pembangunan.
23. Laksanakan sistem pengurusan aset digital untuk merekod keadaan infrastruktur dan menjadualkan penyelenggaraan secara sistematik.
24. Perkasakan pihak berkuasa tempatan atau kumpulan komuniti untuk menjalankan penyelenggaraan asas melalui latihan dan geran mikro.

INFRASTRUKTUR AWAM

SUARA SABAH
KE TINDAKAN
SABAH VOICES TO ACTION



PEMULIHAN

Membaiki dan Menambah Baik Infrastruktur Lama



Apakah masalahnya?

- Sebahagian infrastruktur sudah uzur, tidak selamat, atau rosak akibat banjir dan tanah runtuh—tetapi pembaikan sering lewat dilaksanakan.
- Tindak balas terhadap infrastruktur yang uzur atau rosak sering tertangguh.
- Strategi pemulihan yang bersifat reaktif, bukan proaktif.
- Ketiadaan protokol infrastruktur untuk tindak balas kecemasan.

Cadangan

25. Laksanakan audit berkala terhadap infrastruktur kritikal (jalan raya, jambatan, bekalan air dan sebagainya).
26. Wujudkan protokol dan dana pembaikan kecemasan, terutamanya di kawasan yang mudah dilanda banjir dan tanah runtuh.
27. Peruntukkan bajet khusus bagi pemulihan infrastruktur yang diabaikan atau lupuk dalam bajet pembangunan negeri dan persekutuan.
28. Gunakan reka bentuk terkini yang lebih selamat dan tahan lama mengikut keadaan iklim Sabah.
29. Integrasikan elemen kesiapsiagaan bencana dalam reka bentuk dan pemulihan aset-aset utama.

SECARA RINGKAS....

DASAR PERANCANGAN, PEMBANGUNAN & PELAKSANAAN YANG JELAS KETELUSAN AKAUNTABILITI



1

PERANCANGAN INFRASTRUKTUR INKLUSIF

Penglibatan aktif bersama komuniti dan pihak berkepentingan yang relevan dalam perancangan dan pelaksanaan infrastruktur awam dari awal hingga akhir.

PEMBIAYAAN TEPAT MASA, PELAKSANAAN TEMPATAN

Pembiayaan yang mencukupi dan penyaluran dana yang tepat pada masanya kepada agensi pelaksana tempatan serta pemain industri tempatan yang tulen sebagai rakan pelaksana yang aktif. Ini bukan sahaja untuk projek baharu, tetapi juga bagi infrastruktur dan kemudahan sedia ada.

2



3

PEMBANGUNAN HOLISTIK DAN TEPAT MASA

Pertimbangan holistik terhadap pembangunan infrastruktur awam bersama kemudahan awam lain. Perancangan, dasar dan jadual pelaksanaan perlu diselaraskan agar tidak lapuk apabila kemudahan tersebut siap.

AKSES AWAM KEPADA MAKLUMAT PROJEK

Maklumat awam yang telus mengenai perancangan dan pelaksanaan infrastruktur awam. Maklumat tentang kemajuan projek mesti tersedia untuk akses orang awam.

4



5

PEMANTAU UNTUK PENYAMPAIAN YANG TELUS

Pengenalan pemantau integriti dan kecekapan di setiap peringkat pelaksanaan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti terjamin.





KESIMPULAN

Penambahbaikan infrastruktur awam di Sabah bukan sekadar soal peruntukan kewangan—ia memerlukan **perancangan strategik**, **tadbir urus yang inklusif**, dan **pelaksanaan yang cekap**. Dengan memperkukuh setiap fasa daripada penilaian keperluan hingga ke pemulihan, Sabah mampu membina infrastruktur yang bukan sahaja moden dan berfungsi, tetapi juga berdaya tahan, saksama, dan responsif terhadap keperluan seluruh rakyatnya.





*Aspirasi dan Tuntutan
Rakyat Sabah
terhadap*

TADBIR URUS YANG BAIK

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KETINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Seruan Bertindak



Sektor awam Sabah mesti dilengkapi dengan institusi yang telus, bertanggungjawab dan cekap untuk berkhidmat secara berkesan kepada rakyatnya.

Isu-isu lama seperti tadbir urus yang tidak telus, campur tangan politik, dan ketidakcekapan sistemik telah menghakis kepercayaan awam dan menyumbang kepada prestasi yang lemah.

Dokumen ini mengemukakan cadangan-cadangan pembaharuan secara berkumpulan, disertai dengan analisis dan contoh yang relevan.

Secara keseluruhan, ia membentuk asas bagi pemulihan integriti institusi, pembukaan potensi ekonomi, dan penyelarasan semula pembangunan berdasarkan keutamaan tempatan.

TADBIR URUS YANG BAIK

SUARA SABAH
KE TINDAKAN
SABAH VOICES TO ACTION



Ketelusan, Kebertanggungjawaban dan Anti-Rasuah



Analisis Sokongan

- Skandal Jabatan Air Sabah 2016 yang melibatkan rasuah lebih RM100 juta mendedahkan kelemahan serius dalam sistem audit dan pengawasan.
- Ketiadaan undang-undang yang mengikat dalam perolehan dan pembiayaan politik mewujudkan jurang sistemik yang menyuburkan jaringan naungan (patronage).
- Perbelanjaan tidak telus dan “kontrak hantu” membazirkan sumber awam tanpa memberikan nilai kepada rakyat.
- Negara yang mengamalkan data terbuka menunjukkan kadar rasuah yang lebih rendah dan kepercayaan awam yang lebih tinggi.

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Ketelusan, Kebertanggungjawaban dan Anti-Rasuah



Cadangan untuk Pembaharuan

1. Gubal Akta Pembiayaan Politik dan Akta Perolehan.

Undang-undang ini akan mengawal selia derma politik dan menghapuskan penyalahgunaan dalam kontrak kerajaan, menutup celah yang membolehkan kronisme dan kos melambung.

2. Laksanakan tender terbuka dan siarkan kontrak yang dianugerahkan secara masa nyata.

Langkah ini mengelakkan pilih kasih dan menggalakkan bidaan yang kompetitif. Contoh – GeBIZ di Singapura membolehkan orang awam mengakses semua tender.

3. Wujudkan platform digital ketelusan untuk perolehan dan belanjawan.

Papan pemuka awam yang memaparkan peruntukan dan perbelanjaan meningkatkan kebertanggungjawaban dan penglibatan sivik.

4. Tubuhkan badan pemantauan perolehan yang bebas.

Badan ini perlu bebas politik dan diberi kuasa undang-undang untuk menyiasat penyelewengan dan menghentikan amalan rasuah.

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KETINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Ketelusan, Kebertanggungjawaban dan Anti-Rasuah



Cadangan untuk Pembaharuan (sambungan)

5. Kukuhkan perlindungan kepada pemberi maklumat

Imuniti undang-undang, jaminan kerahsiaan dan sokongan institusi menggalakkan pelaporan salah laku dalaman.

6. Wajibkan audit dalaman suku tahunan untuk semua agensi awam dan GLC.

Langkah proaktif ini membolehkan pengesanan awal terhadap salah urus kewangan atau ketidakpatuhan.

7. Dedahkan secara umum semua laporan audit agensi awam dan GLC.

Audit terbuka mengurangkan penyalahgunaan dan membina keyakinan terhadap integriti kewangan.

8. Siasat rasuah dalam jabatan berisiko tinggi (cth: JKR, Jabatan Tanah & Ukur, Hasil Bumi).

Agensi-agensi ini sering dikaitkan dengan amalan rasuah dan perlu dibersihkan secara menyeluruh.

TADBIR URUS YANG BAIK

SUARA SABAH
KE TINDAKAN
SABAH VOICES TO ACTION



Tadbir Urus Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)



Analisis Sokongan

- Banyak GLC Sabah tidak mempunyai mandat jelas dan dibebani pelantikan politik yang menjejaskan keputusan profesional.
- Usaha GLC bertindih, membazir sumber dan sering bersaing secara tidak adil dengan sektor swasta.
- Aset awam seperti rizab tunai, konsesi dan hak tanah tidak dipantau atau digunakan dengan cekap.
- Struktur telus seperti Temasek (Singapura) dan dana minyak Norway adalah model tadbir urus yang terbukti.
- Penyelarasan dan pengawasan makro sangat penting untuk menjamin pelaksanaan dasar secara bersepadu.

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Tadbir Urus Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)



Cadangan untuk Pembaharuan

9. Hentikan pelantikan dan kenaikan pangkat politik dalam kepimpinan GLC.

Kepimpinan harus berdasarkan pengalaman, integriti dan kecekapan kewangan. Ini tidak bermakna semua ahli politik dikecualikan — hanya yang tidak layak atau mempunyai konflik kepentingan.

10. Tubuhkan jawatankuasa audit dan pelantikan bebas bagi semua GLC.

Jawatankuasa ini memastikan profesionalisme dan mengurangkan pengaruh tidak wajar. Ahli jawatankuasa tidak boleh duduk serentak dalam lembaga GLC lain bagi mengelakkan konflik kepentingan.

11. Haramkan pelantikan silang dalam lembaga pelbagai GLC.

Ini mengelakkan kepekatan kuasa dan menggalakkan kebebasan lembaga.

12. Jelaskan peranan Pengerusi GLC.

Tugas Pengerusi harus berfokus kepada tadbir urus, bukan operasi atau politik.

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Tadbir Urus Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)



Cadangan untuk Pembaharuan (sambungan)

13. Pindahkan hak milik tanah dan lebihan dana GLC kepada Kementerian Kewangan Sabah.

Pemantauan oleh MOF memastikan aset awam diselaraskan dengan matlamat fiskal strategik.

14. Laksanakan Matriks Kuasa dan Keistimewaan.

Sistem ini menyeragamkan tingkat keputusan dan kemudahan yang dibenarkan, meningkatkan ketelusan.

15. Tubuhkan Sistem Pengurusan MAKRO.

Sistem menyeluruh ini akan memantau:

- i) Keputusan utama melibatkan semua GLC
- ii) Arah dasar merentasi GLC
- iii) Mekanisme pengawasan pelaksanaan dan pematuhan

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KETINDAHAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Tadbir Urus Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)



Cadangan untuk Pembaharuan (sambungan)

16. Utamakan SME Sabah berbanding GLC dalam sektor kompetitif.

GLC perlu menyokong, bukan menyekat pertumbuhan perusahaan tempatan.

17. Laksanakan pelaporan dan pendedahan KPI tahunan.

Skor kad awam memupuk akauntabiliti dan budaya prestasi.

18. Rasionalkan dan rombak GLC yang lemah atau bertindih.

Satu pelan penyusunan semula menyeluruh diperlukan bagi menghapuskan ketidakcekan.

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KETINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Integriti dan Meritokrasi Dalam Pelantikan dan Kenaikan Pangkat



Analisis Sokongan

- Pelantikan dan kenaikan pangkat berdasarkan politik menjejaskan semangat dan prestasi perkhidmatan awam.
- Ketiadaan akauntabiliti menyebabkan sikap sambil lewa, pilih kasih dan ketidakcekapan operasi.
- Proses pencalonan bebas dan pendedahan maklumat mewujudkan sektor awam yang lebih beretika dan berkesan.
- Perisytiharan aset adalah langkah pencegahan terhadap kekayaan tidak sah dan komitmen kepada tadbir urus bersih.

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KETINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Integriti dan Meritokrasi Dalam Pelantikan dan Kenaikan Pangkat



Cadangan untuk Pembaharuan

19. Pastikan semua pelantikan dan kenaikan pangkat awam berdasarkan merit.

Kelayakan dan pengalaman harus mengatasi hubungan politik.

20. Bentuk panel bebas bagi menilai pelantikan dan kenaikan pangkat kanan sektor awam dan GLC.

Penilaian mesti berdasarkan rekod prestasi, etika dan kepakaran sektor.

21. Wajibkan pengisytiharan aset oleh semua pegawai kanan kerajaan.

Perisytiharan mesti dikemas kini setiap tahun dan didedahkan secara awam agar dapat dipantau.

22. Laksanakan penilaian prestasi berdasarkan KPI.

Penilaian merangkumi penyampaian perkhidmatan, kepimpinan dan disiplin fiskal.

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Perolehan Awam dan Pencegahan Rasuah



Analisis Sokongan

- Penipuan perolehan adalah endemik di Sabah, khususnya dalam projek tanah, pembinaan dan air.
- Proses anugerah tender sering tidak telus, mengakibatkan kos melambung dan perkhidmatan buruk.
- Tanpa pengawasan bebas, penguatkuasaan garis panduan perolehan adalah lemah.
- Pembaharuan perolehan adalah strategi kesan tinggi kos rendah yang meningkatkan kecekapan fiskal secara langsung.

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KETINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Perolehan Awam dan Pencegahan Rasuah



Cadangan untuk Pembaharuan

23. Laksanakan sistem tender terbuka menyeluruh.

Semua tender mesti kompetitif, telus dan dipantau secara masa nyata.

24. Larang pembentukan kartel dan senarai hitam kontraktor kroni.

Mekanisme undang-undang mesti membanteras rangkaian manipulasi bidaan.

25. Wujudkan portal awam masa nyata untuk tender, anugerah dan prestasi kontraktor.

Media dan masyarakat sivil boleh memantau hasil pelaksanaan.

26. Beri kuasa kepada Suruhanjaya Perolehan Bebas.

Suruhanjaya perlu diberi kuasa penuh untuk mengaudit, menggantung dan mendakwa kes rasuah perolehan.

27. Laksanakan audit dan siasatan terhadap jabatan yang berisiko tinggi.

Agensi berkaitan infrastruktur dan tanah adalah sangat terdedah dan perlu diberi keutamaan.

TADBIR URUS YANG BAIK

SUARA SABAH
KE TINDAKAN
SABAH VOICES TO ACTION



Autonomi Negeri dan Tadbir Urus Fiskal



Analisis Sokongan

- Kebergantungan kewangan Sabah kepada kerajaan persekutuan melambatkan projek dan melemahkan akauntabiliti.
- Pelaksanaan MA63 masih tidak menyeluruh, khususnya dalam aspek autonomi fiskal dan hak minyak.
- Desentralisasi membolehkan tindak balas lebih pantas dan relevan dengan budaya serta ekonomi tempatan.
- Sistem kewangan yang kukuh dan berasaskan peraturan meningkatkan keyakinan pelabur dan kepercayaan awam.

TADBIR URUS YANG BAIK

**SUARA SABAH
KE TINDAKAN**
SABAH VOICES TO ACTION



Autonomi Negeri dan Tadbir Urus Fiskal



Cadangan untuk Pembaharuan

28. Laksanakan sepenuhnya MA63 dan kembalikan kawalan sumber kepada Sabah.
Ini termasuk kawalan ke atas minyak, gas dan hasil cukai seperti yang dipersetujui asalnya.

29. Desentralisasi perancangan pembangunan dan kuasa perolehan kepada Sabah.
Keputusan mesti dibuat secara tempatan mengikut keperluan dan keutamaan setempat.

30. Perkasakan Kementerian Kewangan Sabah untuk menyelia GLC dan dana awam.

MOF yang kukuh dan bebas penting bagi memastikan dana digunakan secara berhemah.

31. Bina sistem pengurusan fiskal yang telus.

Termasuk belanjawan berbilang tahun, penglibatan awam dan pemantauan masa nyata.

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Kepada para pemimpin yang dihormati yang bersama kita hari ini, tetamu-tetamu yang dihormati, wakil-wakil daripada Perkhidmatan Awam, parti-parti politik, masyarakat sivil serta semua para peserta,

Kepada tetamu kehormat dan para penyumbang pandangan yang sangat bernilai,

Dan kepada jawatankuasa penganjur Sesi Townhall yang bermakna pada hari ini,

Salam sejahtera dan salam mesra kepada anda semua.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas kepada pihak penganjur serta semua pihak yang telah berusaha tanpa jemu untuk menjayakan acara ini sebagai suatu perhimpunan minda dan komitmen yang berjaya — baik dari segi material mahupun intelektual.

Sepanjang beberapa bulan yang mendahului acara ini dan memuncak pada sesi hari ini, kita telah mengumpul pelbagai idea bernas, kebimbangan yang tulus, serta aspirasi yang nyata dalam empat teras utama — pendidikan, kesihatan, infrastruktur awam, dan tadbir urus yang baik. Ini bukan sekadar sektor atas kertas. Inilah nadi kepada sebuah Sabah yang adil, saksama dan makmur — wajah yang diimpikan oleh para pejuang terdahulu lebih enam dekad lalu, sewaktu mereka menurunkan tandatangan pada Perjanjian Malaysia 1963 yang seharusnya membuka lembaran baru ke arah kemakmuran dan kebebasan daripada penjajahan — namun malangnya, masih belum tercapai sepenuhnya hingga ke hari ini.

Timbalan Ketua Menteri kita, Datuk Dr. Jeffry Kitingan, pernah menganggarkan bahawa Sabah menyumbang hampir RM60 bilion setahun kepada kutipan hasil Persekutuan seperti yang dilaporkan dalam Borneo Daily Bulletin pada 9 Mac 2024. Manakala bekas Ketua Menteri dan juga Menteri Persekutuan yang lama berkhidmat, Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal, dalam satu wawancara sempena Hari Malaysia tahun lalu, telah menegaskan keperluan untuk Sabah mempergiat dan mengekalkan usaha bersungguh-sungguh dalam menuntut semula hak-hak Sabah di bawah MA63.

(Pautan Wawancara: <https://youtu.be/NXByzxuyhNA?t=1395>)

Lebih penting lagi, Ketua Menteri kita sekarang, Datuk Seri Panglima Hajiji Hj Noor, telah berulang kali menegaskan komitmen Negeri untuk menuntut semula hak-hak kita dalam setiap aspek — perundangan, pentadbiran, politik, material dan moral — demi memastikan negeri kita mencapai tahap autonomi dan keupayaan sendiri yang lebih tinggi di bawah kerangka MA63 dan Perlembagaan Negeri. (Rujuk The Borneo Post, 14 Mei 2023: <https://www.theborneopost.com/2023/05/14/ma63-sabahs-demand-for-the-well-being-of-country-says-hajiji/>)

TERIMA KASIH





Tanpa sebarang keraguan, setiap suara yang kita dengar hari ini — daripada para pemimpin, kumpulan berkepentingan dan rakyat prihatin — setiap cadangan dan cerita, semuanya menyumbang kepada visi kolektif untuk masa depan Sabah yang lebih kuat dan bermaruah.

Sabah sejak dahulu lagi kaya — bukan sahaja dari segi sumber semula jadi, tetapi juga dalam nilai rakyatnya, budayanya dan semangatnya yang tidak pernah luntur. Namun, untuk menterjemahkan kekayaan ini kepada keadilan, maruah dan pembangunan, kita perlukan lebih daripada sekadar dialog — kita perlukan tindakan yang tegas. Kita perlukan reformasi besar dalam dasar dan struktur birokrasi yang benar-benar menghormati hak kita, pembangunan yang mencerminkan keperluan kita, dan kepimpinan yang mendengar serta bertindak secara bertanggungjawab.

Acara ini dinamakan Sabah Voices to Action — dan amat tepat sekali, kerana sudah tidak cukup lagi untuk suara Sabah hanya didengari. Sudah tiba masa untuk ia diambil kira.

Kepada para penggubal dasar, penjawat awam, dan para pemimpin yang hadir atau mendengar di luar sana: semoga suara-suara hari ini tidak terhenti di dalam dewan ini sahaja, tetapi bergema hingga ke bilik-bilik dasar, perancangan bajet, dan keputusan harian yang menyentuh kehidupan berjuta rakyat Sabah.

Kepada saudara-saudari rakyat Sabah sekalian: janganlah kita hanya menunggu dijemput ke meja rundingan. Marilah kita bina mejanya. Marilah kita berorganisasi, bekerjasama dan bersuara — bukan hanya hari ini, tetapi di mana-mana ruang yang kita jejak.

Akhir sekali, biarlah ini bukan townhall terakhir dari segi semangatnya, meskipun ia mungkin yang terakhir dari segi nama. Biarlah ini menjadi permulaan — satu percikan yang menerangi jalan menuju sebuah Sabah yang bukan sekadar termasuk dalam Malaysia, tetapi dihormati, diberdaya dan diberi keutamaan. Biarlah rundingan gigih para pemimpin terdahulu kita yang termeterai dalam Perjanjian Malaysia 1963 tidak berakhir hanya dengan kebebasan daripada penjajahan British, tetapi turut membawa pembebasan rakyatnya daripada sistem feodal, sindrom pergantungan, dan segala bentuk penindasan lain.

Dengan itu, saya ucapkan terima kasih sekali lagi, dan semoga kita semua meninggalkan dewan ini bukan hanya dengan kata-kata, tetapi dengan iltizam.

Terima kasih.

Datuk Ujang Sulani

Pemegang Amanah

Sabah Action Body Advocating Rights (SABAR)

22 Jun 2025



Diterbitkan oleh Sabah Action Body Advocating Rights (SABAR)

www.sabar.org.my

©SABAR

22 Jun 2025